

15 DEC, 2022

## Tarif elektrik pengguna domestik tidak dinaikkan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# Tarif elektrik pengguna domestik tidak dinaikkan

Keputusan itu turut melibatkan industri kecil dan sederhana, syarikat pertanian serta pengeluar makanan: PM

**PUTRAJAYA:** Kerajaan tidak berhasrat untuk me-naikkan tarif elektrik ke-pada pengguna domestik bagi mengelakkan rakyat terbeban, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata keputusan itu turut melibatkan in-dustri kecil dan sederhana (IKS), syarikat pertanian serta pengeluar makanan walaupun ia memberi im-plikasi kewangan kepada negara hampir RM30 bilion setahun.

“Jika dikenakan pun (kenaikan tarif elektrik) hanya terhadap syarikat-syarikat multinasional yang eksport kerana tarif terlalu rendah buat mereka dan subsi-di itu tidak harus diberikan kepada syarikat gergasi yang untungnya tinggi.

“Dari segi rakyat tidak ada langsung cadangan kerajaan untuk naikkan tarif elektrik,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Kabinet di sini semalam.

Anwar, bagaimanapun berkata kenaikan terhadap syarikat multinasional hanya akan berlaku secara ber-peringkat dan berpatutan untuk memastikan ia tidak menjelaskan operasi dan unjuran syarikat.

Menurut Perdana Menteri,

maklumat terperinci me-nenai keputusan itu akan diumumkan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Nik Nazmi

Nik Ahmad.

Mengenai persediaan pe-ngurusan banjir, Anwar berkata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ah-

mad Zahid Hamidi akan ke Kelantan hari ini bagi menge-nal pasti langkah awal van-

boleh diambil dalam persia-nan menghadapi banjir.

“(Ahmad Zahid) cuba ke-nal pasti masalah dan ambil langkah awal persiapan. Pen-dekatan kita berbeza, tidak tunggu banjir...persiapan sebelum banjir,” katanya.

Kelmarin, Ahmad Zahid berkata kerajaan akan menggerakkan langkah pro-aktif dalam pengurusan bencana banjir termasuk mengaktifkan lebih awal pusat pemindahan semem-tara (PPS).

Beliau berkata dengan kerjasama Jabatan Meteo-rologi Malaysia (MetMalaysia), beberapa kawasan yang jum-lah taburan hujan tinggi dan dijangka menyebabkan banjir akan diberi tumpuan.

Sementara itu, Anwar ber-kata Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA) diarahkan supaya lebih proaktif dalam menangani sebarang situasi melibatkan petani berikutan masalah penyelewengan dalam infra-struktur pemasaran.

“Tahun lepas anda dengar masalah besar hingga menjaskan petani Cameron (Highlands) yang meng-hadapi isu menyebabkan mereka terpaksa buang produk mereka, masalah tiada pembeli, kesukaran pengangkutan dan lain-lain... jadi FAMA perlu mengambil langkah berkenaan,” kata-nya. — Bernama

**“**Jika dikenakan pun (kenaikan tarif elektrik) hanya terhadap syarikat-syarikat multinasional yang eksport kerana tarif terlalu rendah buat mereka dan subsidi itu tidak harus diberikan kepada syarikat gergasi yang untungnya tinggi.**”**

Datuk Seri Anwar Ibrahim  
*Perdana Menteri*



ANWAR



15 DEC, 2022

## Tarif elektrik pengguna domestik tidak dinaikkan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Keputusan itu turut melibatkan industri kecil dan sederhana, syarikat pertanian serta pengeluar makanan: PM

PUTRAJAYA: Kerajaan tidak berhasrat untuk menaikkan tarif elektrik kepada pengguna domestik bagi mengelakkan rakyat terbeban, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim. Beliau berkata keputusan itu turut melibatkan industri kecil dan sederhana (IKS), syarikat pertanian serta pengeluar makanan walaupun ia memberi implikasi kewangan kepada negara hampir RM30 bilion setahun.